

BERGAMBAR
di tengah sawah.

RENCANA

Mohamad Hussin
mohamad_hussin@
hmetro.com.my

Seramai 22 penuntut Pengurusan Sumber Tanah (LARM), Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) berpeluang mengetahui secara lebih dekat teknik penanaman padi pada tanah yang mempunyai kelembapan rendah dikenali sebagai gogo rancak.

Ketua penuntut LARM Fakulti Pertanian UPM Mohd Shahrul Nizam Mohd Salleh berkata, Mataram, Lombok, Indonesia dipilih sebagai destinasi lawatan kerana ia terkenal bukan saja untuk pertanian, malah pelancongan.

"Kami melihat padi dan tanaman lain seperti jagung, cili serta kacang menggunakan tanah secara maksimum menunjukkan kepentingan pertanian sangat dititikberatkan di Lombok yang mempunyai kira-kira empat juta penduduk.

"Kami berpeluang melawat Pulau Gili Trawangan, menyertai penduduk tempatan di Benang-stokel, merasai kehidupan etnik Sasak dan penghasilan mutiara yang sinonim dengan Lombok," katanya ketika lawatan ke Mataram, baru-baru ini.

Penuntut LARM, Hilmy Sazlin Azny Abdul Aziz berkata, pembangunan tanah sangat berbeza antara Malaysia dan Indonesia.

"Di Lombok, penanaman padi secara komersial diadakan di sebelah lapangan terbang. Saya pasti pertanian bandar boleh diadakan secara besar-besaran di negara kita



MENGENALI TEKNIK GOGO RANCAH

Rombongan siswa UPM lawat Lombok untuk tinjau proses penanaman padi



TEKNIK penanaman padi pada tanah yang mempunyai kelembapan rendah yang dikenali sebagai gogo rancak.

sekiranya pelbagai faktor dalaman dan luaran dalam pembangunan tanah diambil kira.

"Melalui kursus ini, pelajar LARM berpeluang belajar melangkaui tanah air untuk melihat pembangunan di negara jiran," katanya yang turut mengadakan lawatan akademik ke Fakultas Pertanian, Universitas Mataram (UNRAM).

Turut hadir, Dekan Fakultas Pertanian UNRAM Dr Ir Sukartono; Pensyarah Kanan, Jabatan Pengurusan Tanah, Fakulti Pertanian UPM Dr Daljit Singh Karam dan Dr Dzarifah Zulperi.

LARM adalah kursus dua tahun yang ditawarkan Fakulti Pertanian UPM yang memberi tumpuan kepada teori dan praktikal pembangunan tanah secara mampan membabitkan ilmu

sains tanah, perundangan tanah, konservasi tanah, pengurusan sisa pencemaran serta pengurusan tanah secara lestari.

Seorang lagi penuntut, Hanis Huzaira Abd Hanan berkata, teknik gogo rancak dan lawatan ke kawasan penanaman padi sangat bermanfaat.

Menurutnya pelancongan berasaskan pertanian atau agrotourism dapat

meningkatkan pendapatan penduduk dan negara.

Rakannya, Norizah Ramly berkata, segala ilmu yang diperoleh melalui pembelajaran dalam kelas dan lawatan itu akan dijadikan rujukan sekiranya terbahit dalam pembangunan kawasan serta penyelesaian masalah.

Sementara itu, Sukartono berkata, Mataram dahulunya antara kawasan kurang maju tetapi kini menjadi 'periuk nasi' utama bagi Indonesia selain mengeksport beras di luar Mataram.

Katanya, teknik gogo rancak menghasilkan lebih hasil tuaian padi dan meningkatkan pulangan ekonomi kepada destinasi itu.

"Teknik gogo rancak, termasuk pembentukan kolah air atau 'embung' dijalankan kebanyakannya di kawasan selatan Mataram kerana taburan hujan yang rendah. Bagi kawasan yang menerima hujan tinggi, Mataram dapat menghasilkan padi tiga kali setahun.

"Embung menyalurkan air dari kawasan tinggi ke kawasan rendah. Disebabkan itu, kawasan padi kami adalah pada bukit yang dibuat secara teres dan biji benih padi ditabur secara terus sebelum musim hujan," katanya.

Saya pasti pertanian bandar boleh diadakan secara besar-besaran di negara kita sekiranya pelbagai faktor dalaman dan luaran dalam pembangunan tanah diambil kira

HILMY SAZLIN